

Budayakan pembelajaran dalam talian, mampu tingkatkan pendapatan universiti

# UMP memperkenalkan e-Book digital



MOHD. Ghani Awang menunjukkan panduan umum penggunaan e-Book yang menghimpunkan koleksi buku digital terbitan Penerbit UMP di Kuantan, baru-baru ini.

Oleh SITI NORIZAT SHIKH ABDUL JALIL  
utusanktn@gmail.com

**KUANTAN** 27 Mei - Dalam menyahut seruan kerajaan untuk membudayakan pembelajaran dalam talian, Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini memperkenalkan penerbitan buku digital atau e-Book yang dikeluarkan Penerbit UMP sebagai medium untuk mencapai matlamat tersebut.

Pengarah Penerbit UMP, Profesor Madya Dr. Mohd. Ghani Awang berkata, pihaknya optimis untuk membangunkan e-Book serta meluaskan penggunaannya kepada masyarakat umum berikutan fungsinya dapat diakses oleh orang ramai di serata dunia.

"Buku digital ini yang diterbitkan oleh UMP menghimpunkan lebih 100 judul koleksi penerbitan buku yang ditulis sendiri oleh pensyarah di sini seperti buku umum, modul, jurnal, prosiding dan syarahan umum.

"Dengan mengakses aplikasi ini, hasil tulisan dan idea pensyarah dapat diketengahkan ke peringkat global sekali gus menjadi medium untuk menaikkan nama

Dengan mengakses aplikasi ini, hasil tulisan dan idea pensyarah dapat diketengahkan ke peringkat global sekali gus menjadi medium untuk menaikkan nama UMP di peringkat antarabangsa

MOHD. GHANI AWANG  
Pengarah Penerbit UMP

UMP di peringkat antarabangsa," katanya di sini baru-baru ini.

Mohd. Ghani berkata, aplikasi e-Book yang dibangunkan dua tahun lalu dilengkapi dengan ciri helaian selak (*flip pages*) yang membolehkan penuntut merasai seperti membaca buku sebenar walaupun di dalam talian.

Katanya, pembangunan e-Book meliputi dua fasa iaitu pada peringkat awal hanya boleh dilayari oleh penuntut UMP sahaja.

"Bagaimanapun, pada fasa terakhir, selepas e-Book dikomersialkan dengan lebih meluas, pengguna bukan sahaja melayari aplikasi ini, malah mereka juga boleh memuat turun isi kandungan e-Book dan membacanya ketika tiada akses internet.

"Aplikasi ini bukan sahaja membudayakan pembelajaran dalam talian, malah turut meningkatkan pendapatan kepada universiti dengan yuran akses yang dikenakan kepada pengguna," ujarnya.

Jelasnya, kejayaan meraih anugerah perak dalam Pameran Rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) baru-baru ini, membaratkan semangat Penerbit UMP untuk terus membangunkan e-Book.

"Kita berbesar hati apabila e-Book turut dilanggan beberapa syarikat penerbitan ilmiah yang lain iaitu Universe Digital Library (UDL) dan e-Sentral untuk mengkomersialkan produk ini kepada pengguna luar," katanya.